

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 18 MAC 2015 (RABU)

SOALAN:

Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peranan dan kaitan JKR dan Jabatan Pengairan dan Saliran dalam pembinaan Jambatan Kuala Terengganu ke Seberang Takir. Sejauh mana kelulusan diberikan dan adakah pembinaan itu mengikut peraturan-peraturan yang telah ditentukan.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Jambatan Kuala Terengganu ke Seberang Takir ini merupakan salah satu komponen utama yang akan menghubungkan Seberang Takir ke pusat bandar sedia ada. Pembinaan jambatan ini adalah sepanjang 632 meter dengan kos sebanyak RM248 juta. Dengan adanya jambatan ini kelak, ia akan menyediakan laluan alternatif bagi menyuraikan trafik dari Jambatan Sultan Mahmud, memendekkan masa perjalanan dari pusat bandar Kuala Terengganu ke Seberang Takir dan ke Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu. Pembinaan jambatan ini juga diharap akan memberi manfaat kepada rakyat di Terengganu dari segi ekonomi dan juga industri pelancongan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, pembinaan jambatan ini memang mendapat kerjasama dari pelbagai pihak terutama agensi-agensi teknikal seperti JKR dan JPS. Pembinaan jambatan ini telahpun mendapat kelulusan daripada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT), JKR dan JPS. JKR adalah salah satu agensi teknikal yang memberi pandangan dan kelulusan kepada pelan-pelan yang dimajukan melalui Unit Pusat Setempat MBKT. Kelulusan JKR telahpun diperoleh pada 23 Julai 2014.

Manakala, JPS pula adalah agensi teknikal yang menilai dan memberi kelulusan kajian hidraulik, *Erosion and Sedimentation Control Plan* (ESCP) dan Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) kepada komponen jambatan yang berada di dalam air. Kelulusan dari JPS telahpun diperolehi pada 10 Mei 2014 dan 27 November 2014. Oleh itu, semua keperluan yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak jabatan teknikal telah dipatuhi sepenuhnya dalam rekabentuk dan juga semasa kerja pembinaan jambatan ini.

Sekian, terima kasih.